

29 NOV 1996

Mahathir-Myanmar

MAHATHIR HARAP MYANMAR BAIKI SITUASI DALAM NEGERINYA

JAKARTA, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir hari ini melahirkan harapannya agar Yangon akan mengambil langkah-langkah tertentu supaya situasi di Myanmar boleh bertambah baik.

Dalam pertemuannya dengan Ketua Majlis Pemuliharaan Undang-undang dan Ketenteraman Negara Myanmar (SLORC) Jen Kanan Than Shwe Than Shwe di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia mengambil perhatian terhadap laporan mengenai situasi di Myanmar sekarang.

Dr Mahathir dan Than Shwe berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean esok.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai pertemuan kedua-dua pemimpin itu di sini, berkata Than Shwe telah memaklumkan kepada Perdana Menteri "beberapa kali" mengenai langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaannya dalam memulihkan lagi keadaan di Myanmar.

"Than Shwe telah menerangkan situasi di Myanmar pada waktu ini dan memberi penjelasan kepada Dr Mahathir bahawa kerajaan Myanmar dapat mengawal situasi di negaranya," kata beliau.

Abdullah berkata Than Shwe juga melahirkan hasrat untuk turut menjayakan projek-projek di kawasan pembangunan Lembah Mekong.

Mengenai kemasukan Myanmar ke dalam Asean, Dr Mahathir memberitahu pemimpin Myanmar itu bahawa telah menjadi hasrat Asean melihat semua negara Asia Tenggara menjadi anggota pertubuhan serantau itu.

"Tetapi untuk menentukan waktu kemasukan Myanmar ke dalam Asean, ia bergantung kepada keputusan bersama pemimpin-pemimpin Asean. Dan perkara ini perlu dibincang terlebih dahulu antara mereka," kata Abdullah.

Ketika ditanya jika Myanmar menyatakan hasratnya untuk menjadi anggota Asean tahun depan, Abdullah berkata: "Beliau tidak menyatakannya secara khusus tetapi hasrat mereka (untuk menjadi anggota Asean) dinyatakan."

--BERNAMA

TEAM NAK